Journal of Al-Tamaddun, Vol. 17 (1), 2022, 127-140
https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.10

Sumbangan Sultan Omar (m. 1876) dalam Penulisan Manuskrip Quran Terengganu Pada Abad ke 19

(Contribution of Sultan Omar (d. 1876) in Writing Terengganu Quran Manuscript in the 19th Century)

Riswadi Azmi,* Mustaffa Abdullah,** Zulkeefli Awang,*** Mohd Nurudin Puteh,****
Siti Sarah Izham***** & Mohd Farhan Md Ariffin******

Abstrak

Penulisan mushaf al-Qur'an telah bemula sejak ia diturunkan kepada baginda Nabi SAW pada abad ketujuh masihi. Usaha penyalinan kitab suci ini turut dilakukan oleh khalifah al-Rashidin terutama sayidina Uthman al'Affan sehinggalah melalui pelbagai proses penambahbaikkan untuk memastikan umat Islam dapat menggunakan kitab suci ini dengan lebih mudah dan sesuai dengan keperluan masyarakat. Terdapat beberapa kesultanan atau empayar besar Islam telah melakukan sumbangan untuk menyalin mushaf al-Qur'an dan hal ini juga berlaku di alam Melayu. Kesultanan Terengganu dicatatkan antara 11 kesultanan Islam yang telah menjalankan usaha penyalinan ini bermula abad ke-18 Masihi lagi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti era kesultanan Terengganu yang menjalankan usaha murni ini memandangkan kesultanan Terengganu telah diasaskan pada 1708 M dan diperintah oleh 17 orang sultan sehingga sekarang. Bagi memastikan objektif kajian ini tercapai, kaedah kajian kualitatif digunakan iaitu dengan melihat bukti yang ada pada semua mushaf al-Qur'an Terengganu dan meneliti catatan kolofon yang terdapat pada mushaf-mushaf tersebut. Bagi menguatkan kajian ini, beberapa catatan sejarah mengenai perkembangan Islam dan budaya juga dijadikan asas dalam mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa, mushaf al-Qur'an Terengganu telah banyak dihasilkan ketika era Baginda Sultan Omar. Ini terbukti apabila empat daripada lima buah mushaf al-Qur'an telah mencatatkan tarikh penulisan yang sepadan dengan tarikh pemerintahan baginda. Selain itu, Baginda Sultan Omar merupakan antara sultan Terengganu yang paling lama memerintah dan sumbangan baginda dalam perkembangan ilmu dan budaya telah dicatat dalam catatan sejarah lampau. Warisan kitab suci ini merupakan bukti bahawa Baginda Sultan Omar merupakan pemerintah yang sentiasa menjunjung Islam sebagai agama rasmi negeri.

Kata kunci: Sumbangan, Baginda Sultan Omar, penyalinan, Mushaf al-Qur'an

Abstract

The writing of the Qur'an has started since it was revealed to the Prophet S.A.W in the seventh century AD. The effort to copy this sacred words was also done by the caliph al-Rashidin, especially Sayidina Uthman al'Affan until through various improvement processes to ensure that Muslims can use this scripture more easily and in accordance with the latest approach. There are a number of great Islamic empire has made an effort to copy the manuscripts of the Qur'an and this is also true in the Malay world. The Sultanate of Terengganu is recorded among the 11 Islamic sultans that have carried out this copying effort since the 18th century AD. The objective of this study is to identify the era of the Terengganu sultanate who carried out this noble endeavor as the Terengganu sultanate was founded in 1708 AD and ruled by 17 sultans until now. To ensure that the objectives of this study are achieved, qualitative research methods are used by looking at the evidence available in all Terengganu Qur'an manuscript and examining the colophon notes found in the manuscript. To support this study, historical records on the development of Islam and culture are also used as reference. The results of the study found that the Terengganu Quran manuscript has been actively produced during the era of the Baginda Sultan Omar.

* Riswadi Azmi (PhD), Center for Foundation and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. Email: riswadi@umt.edu.my.
** Mustaffa Abdullah (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Department of Al-Quran & Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
*** Zulkeefli Awang, Center for Foundation and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
**** Mohd Nurudin Puteh, Center for Foundation and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
***** Siti Sarah Izham (PhD), Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
****** Mohd Farhan Md Ariffin (PhD), Research Centre for Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

This is evidenced when four of the five manuscripts of the Qur'an have recorded the date of writing which occurred with the date of his reign. In addition, Baginda Sultan Omar is one of the longest-ruling sultans of Terengganu and and his contribution in knowledge and culture has been recorded in past historical records. The heritage of the Quran manuscript is proof that Baginda Sultan Omar was a ruler who always upheld Islam as the official religion of the state.

Keywords: *Contribution, Baginda Sultan Omar, copying, Qur'an Manuscript*

Pendahuluan

Sejarah penulisan al-Qur'an telah bermula seiring dengan penurunan wahyu kepada Nabi SAW pada tahun 610 Masihi. Kaedah penulisan al-Qur'an pada waktu itu ialah dengan menulisnya di atas pelepah tamar, batu dan tulang haiwan yang telah disamak.[1] Menurut Husni Syeikh 'Uthman (1994) lebih 40 orang sahabat RA telah diperintahkan oleh Nabi SAW untuk menulis al-Qur'an sehingga lengkap penurunan wahyu dengan dipandu Nabi SAW.[2] Setelah kewafatan Nabi SAW, Saidina Abu Bakar telah mengumpulkan suhuf-suhuf yang ditulis oleh para sahabat pada satu tempat dan meminta Zaid bin Thabit untuk menulisnya kembali. Perkara ini berlaku setelah didapati ramai penghafaz al-Qu'ran telah syahid ketika peperangan al-Yamamah. Fasa penulisan al-Qur'an menjadi lebih penting sejajar dengan perkembangan Islam dimana Saidina Uthman al-'Affan telah melaksanakan inisiatif yang lebih besar iaitu menyalin enam mushaf al-Qur'an yang dikenali dengan nama Mushaf Uthmani[3] dan mengedarkannya ke lima tempat iaitu Makkah, Madinah, Syam, Kufah dan Basrah bersama individu yang boleh mengajar.[4] Penyalinan al-Qur'an tidak terhenti pada waktu itu sahaja, bahkan usaha murni ini diteruskan oleh khalifah, sultan dan pemimpin empayar Islam yang lain. Peranan ini amat penting kerana rakyat biasa tidak mampu meneruskan usaha ini kerana kepakaran dan kos untuk menyalin kitab suci ini perlu disokong dan dibantu oleh pihak Istana atau pemerintah.[5]

Empayar Ummayah dikenal pasti telah menyalin mushaf al-Qur'an berdasarkan penemuan mushaf al-Qur'an yang menggunakan kaligrafi kufi iaitu jenis kaligrafi yang digunakan diawal penulisan al-Qur'an.[6] Penyalinan al-Qur'an pada zaman 'Abasiyyah mengalami beberapa perubahan pada aspek kaedah penulisan berbanding dengan mushaf al-Qur'an pada era Ummayah. Penulisan huruf tambahan seperti *alif, waw* dan *ya'* kecil pada huruf vokal adalah bertujuan untuk membantu memudahkan pembaca mengenalpasti bacaan baris yang tepat. [7] Seterusnya usaha ini turut dilaksanakan oleh empayar Fatimid (910 hingga 1171 Masihi) yang memerintah di utara Afrika, Mesir dan Syria terkenal mushaf al-Qur'an berwarna biru. Selain itu, kerajaan Mamluk yang memerintah Mesir, Syria dan Arabia pada tahun 1250 hingga 1517 Masihi juga menjalankan inisiatif penyalinan al-Qur'an dan diwakafkan di masjid-masjid sekitar Kaherah. Manakala, empayar 'Uthmaniyah (tahun 1281-1924 Masihi) empayar terbesar Islam yang memerintah Turki, Afrika Utara, Syiria, Mesir, Iraq dan Arabia juga mengusahakan kerja penyalinan al-Qur'an yang indah dan terkenal. Bahkan Mushaf al-Qur'an yang dihasilkan oleh empayar 'Uthmaniyah menjadi rujukan kepada penyalinan mushaf al-Qur'an yang lain. Kerajaan Safavid yang memerintah Iran (tahun 1501 hingga 1722 Masihi) dan kesultanan Mughal (tahun 1526 hingga 1858 Masihi) yang memerintah India juga adalah antara empayar Islam yang begitu komited menjalankan usaha murni ini. Mushaf al-Qur'an yang dihasilkan daripada empayar-empayar besar Islam ini mempunyai ciri-ciri khas ragam hias dan terkenal dengan ketelitian pembuatannya.[8]

Kesultanan Islam di alam Melayu juga memainkan peranan penting dalam penyalinan al-Qur'an ini. Banyak bukti telah dijumpai sama ada dalam bentuk bahan arkeologi mahupun catatan sejarah. Kedatangan

---

[1] Abd al-Fattāḥ al-Qadī (1997), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf*, Kaherah: Al-Jihāz al-Markazī li al-Kutub al-Jam"īyyat wa al-Madrasīyyat wa al-Wasā"il alTa"limīyyat, h. 9.
[2] Husni Syeikh Uthman (1994), *Haq al-Tilawah, Dar al-Manarah lil al-Nasyr wa al-Tauzi*, Jeddah: al-Mamlakah Al-'Arabiah al-Saudiah, h. 12.
[3] Mushaf Uthmani bermaksud mushaf al-Qur'an yang ditulis ketika era pemerintahan Sayidina Uthman al-'Affan dengan menggunakan kaedah yang disepakati oleh para sahabat dan diedarkan kepada enam wilayah. H. Fahri (2020), "Al-Quran dan Keautentikannya; Kajian tentang Rasm Al-Qur'an dalam Mushaf Uthmani," *Al Hikmah: Jurnal Studi Keislaman*, Jil. 10, Bil. 2, h. 141-154.
[4] Al-Qadī (1997), Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf, h. 18.
[5] Ali Akbar (2016), "Quran-Quran Istana Nusantara," International Conference on the Holy Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia, h. 446.
[6] François Déroche (2014), *Qur'ans of the Umayyads*, Leiden: Brill, h. 19.
[7] François Déroche (1992), *The Abbasid tradition: Qur'ans of the 8th to the 10th centuries AD: The Nasser D. Khalili Collection of Islamic Art Volume 1*, London: The Nour Foundation in association with Azimuth Editions and Oxford University Press, h. 16.
[8] Lajnah Pentashihan al-Qur'an (2012), *Mushaf-mushaf al-Qur'an Istana Nusantara*, Jakarta: Badan Litbang Agama dan Diklat Kementerian Agama Republik Indonesia, h. 8.

Islam ke alam Melayu seawal abad ke-12 Masihi adalah antara bukti Islam dan kitab suci al-Qur'an sudah mula digunakan dalam pengembangan syiar Islam. Menurut Ali Akbar, terdapat sejumlah mushaf al-Qur'an yang berasal dari alam Melayu menjadi koleksi di luar negara terutama di negara-negara yang pernah menjajah Asia Tenggara. Walaupun begitu, sebahagian besar mushaf al-Qur'an masih disimpan di dalam negara sama ada menjadi koleksi Istana atau Keraton, muzium, masjid, arkib mahupun orang perseorangan.[9]

Penelitian terkini mendapati, terdapat 11 kesultanan Islam di alam Melayu pernah direkodkan menjalankan usaha penyalinan al-Qur'an seawal abad ke-17 Masihi. Kesultanan Islam seperti kesultanan Riau-Lingga, Sulawesi Selatan, Banten, Cirebon, Yogyakarta, Surakarta, Sumbawa, Bima, Bone, Ternate, Tidore dan Terengganu antara kesultanan yang berusaha memastikan kerja-kerja penyalinan al-Qur'an dapat dilakukan pada waktu itu dalam jumlah yang besar. [10] Kesemua mushaf al-Qur'an yang dihasilkan oleh kesultanan ini, mempunyai ciri-ciri ragam hias yang tersendiri di samping keunikan pada aspek penjilidan, teks dan kaligrafinya.

Apa yang lebih menarik untuk diketengahkan ialah disamping mushaf al-Qur'an ini dihasilkan untuk kegunaan dalam negara, terdapat juga usaha untuk mewakafkan mushaf ke kesultanan lain. Ini berlaku kerana ada kesultanan yang tidak menghasilkan al-Qur'an, namun memerlukannya untuk pembelajaran dan istiadat pengabsahan pertabalan kesultanan. Sebagai contoh sebuah mushaf al-Qur'an yang menjadi warisan kesultanan Bima, Indonesia adalah merupakan mushaf al-Qur'an yang berasal dari Terengganu dan pada waktu sekarang menjadi koleksi di Bayt al-Qur'an dan Muzium Istiqlal, Jakarta. Begitu keberadaan mushaf al-Qur'an Patani yang terdapat di kesultanan Tidore, Indonesia.[11]

Menurut Annabel Teh Gallop, penyalinan mushaf al-Qur'an yang berasal dari Pantai Timur adalah mushaf yang dihasilkan dari tiga negeri atau kawasan Selatan Thailand, Kelantan dan Terengganu. Namun mushaf dari Selatan Thailand atau Patani dan Terengganu lebih menyerlah dan berpengaruh di alam Melayu.[12] Jika dilihat kepada kualiti penghasilan mushaf al-Qur'an Pantai Timur ini, didapati mushaf dari Patani dipercayai dihasilkan oleh institusi pondok yang hidup subur dan menjadi tumpuan masyarakat alam Melayu ketika itu. Manakala, mushaf dari Terengganu dipercayai dihasilkan oleh pihak Istana yang amat dikenali sebagai kesultanan yang sentiasa mendaulatkan Islam sebagai agama negeri.[13]

Mushaf al-Qur'an Terengganu mempunyai kualiti yang lebih terutama pada penggunaan kertas Eropah yang bermutu tinggi. Penggunaan kertas Eropah di alam Melayu amat meluas terutama untuk tujuan penulisan al-Qur'an dan warkah diraja. Ini kerana kertas Eropah telah memonopoli perdagangan kertas pada abad ke-19 Masihi. Walaupun pada waktu tersebut sudah ada kertas dluwang (kertas tempatan yang dihasilkan daripada kulit kayu), namun kertas Eropah menjadi pilihan kerana ia amat berkualiti dan harga kertas yang mahal pada tersebut tidak mampu diperoleh oleh rakyat biasa kecuali pembesar dan Istana.[14]

Ciri-ciri lain yang ada pada kertas Eropah ialah ia boleh dihias, diwarnakan indah dan diperada emas. Penggunaan warna dan perada emas juga menggunakan kos yang tinggi untuk menghasilkannya, maka amat pasti bahawa istana merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menghasilkan usaha penulisan al-Qur'an.[15] Sehingga kajian ini dilakukan, terdapat sembilan buah mushaf al-Qur'an Terengganu yang berkualiti tinggi dan dipercayai dihasilkan oleh pihak istana. Nilai kualiti ini dapat dilihat pada keindahan ragam hias yang menggunakan kepelbagaian warna, kemewahan perada emas, kualiti penjilidan dan kaligrafi yang kemas menunjukkan bahawa ia memerlukan kepada sokongan padu istana.

Selain itu, sejarah telah membuktikan bahawa pemerintahan kesultanan Terengganu dikenali sebagai pemerintahan yang bertunjangkan syariat sejak dahulu. Ini dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu yang mencatatkan pelaksanaan hukum Islam pada tahun 1313M.[16] Perkara ini disokong oleh

---

[9] Ali Akbar (2016), "Quran-Quran Istana Nusantara," h. 445.
[10] Lajnah Pentashihan al-Qur'an (2012), *Mushaf-mushaf al-Qur'an Istana Nusantara*, h. 9.
[11] Ibid., h. 8
[12] Annabel The Gallop (2010), "Palace and Pondok: Patronage and Production of Illuminated Manuscripts on the East Cost of The Malay Peninsula," dalam Zawiyah Baba (ed.), *Warisan Seni Ukir Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 145.
[13] Ibid., h. 146.
[14] Syaifuddin & Muhammad Musadad (2015), "Beberapa Karakteristik Mushaf al-Qur'an Kuno Situs Girigajah Gresik," *Suhuf Jurnal Kajian al-Qur'an*, Jil. 8, Bil. 1, h. 13.
[15] Ibid.
[16] Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid & Nor Hayati Md. Dahlal (2010), "Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam," *Jurnal Fiqh*, Jil. 7, h. 107-148.

Nasiruddin, S. F., & Tibek, S. R. (2013) yang menyebut bahawa hampir kesemua Sultan Terengganu menjadikan para ulama sebagai pentadbir dan penasihat Istana.[17] Sebagai contoh Sheikh Abdul Malik bin Abdullah yang dikenali dengan gelaran Tok Pulau Manis (1650-1730 Masihi), beliau bukan sahaja menjadi penasihat peribadi kepada Sultan Zainal Abidin Shah 1 (1708-1733), bahkan beliau juga dikenali sebagai ulama yang banyak mengarang kitab.[18] Kenyataan ini menunjukkan bahawa, kesultanan Terengganu sentiasa menjunjung agama Islam sebagai agama rasmi negeri dan memastikan kesuciaan Islam sentiasa terpelihara.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, iaitu mengenal pasti era kesultanan Terengganu yang menjalankan usaha penyalinan mushaf al-Qur'an, kaedah kualitatif ialah kaedah yang paling sesuai untuk digunakan. Kerangka kajian dibentuk supaya kajian dapat menghasilkan dapatan yang menepati objektif kajian yang telah digariskan.

Rajah 1: Proses Penentuan Era Kesultanan



Merujuk kepada Rajah 1, kajian dimulakan dengan mengumpulkan semua mushaf Terengganu yang berada dalam dan luar negara. Pengumpulan data ini diperoleh hasil lawatan lapangan yang diadakan hasil maklumat yang diperoleh daripada pengkaji-pengkaji mushaf al-Qur'an. Setiap mushaf dijalankan kajian diskriptif terlebih dahulu merangkumi maklumat saiz, jumlah muka surat, kategori ragam hias, tahun penghasilan melalui penentuan jenis tera air, jenis penjilidan, warna dan ketebalan. Proses ini penting untuk memastikan mushaf yang diteliti adalah dalam klasifikasi mushaf al-Qur'an Terengganu.

Setelah itu, kesemua mushaf al-Qur'an Terengganu dikelaskan kepada tiga jenis mushaf, iaitu yang pertama mushaf yang kurang baik dan tidak boleh dilakukan kajian lanjut. Yang kedua, mushaf yang masih baik namun tanpa kolofon dan yang ketiga mushaf yang masih baik dan mempunyai kolofon. Pengkelasn ini penting kerana hanya mushaf yang baik dan mempunyai kolofon sahajalah yang boleh dijadikan asas dalam penentuan era kesultanan yang menghasilkannya.

Bacaan kolofon dilakukan dengan membuat proses transliterasi kolofon. Ini kerana kesemua kolofon yang dicatat menggunakan tulisan jawi lama. Proses ini amat penting kerana transliterasi akan membantu kajian untuk menentukan tarikh, tempat, dan asal sesebuah mushaf al-Qur'an dan manuskrip. Selepas proses bacaan kolofon dilakukan, barulah dapat ditentukan tarikh sesebuah mushaf tersebut dan ia akan dipadankan dengan masa pemerintahan kesultanan Terengganu.

17 orang Sultan yang memerintah Terengganu bermula 1708 Masihi sehingga sekarang dijadikan padanan dengan tarikh yang ada pada mushaf yang mempunyai kolofon. Setelah dikenal pasti bahawa, mushaf al-Qur'an yang mempunyai kolofon tercatat tarikh penghasilannya pada era Baginda Sultan Omar, literasi berkaitan biografi Baginda Sultan Omar dilakukan dengan berpandukan data sekunder yang diperoleh secara kajian kepustakaan. Untuk menjadikan kajian ini lebih mantap, literasi mengenai sumbangan Baginda Sultan Omar terutama dalam aspek sumbangan ilmu pengetahuan dan perkembangan syiar Islam juga dilakukan dan dijadikan asas. Bagi memantapkan kajian, sumber utama seperti catatan perjalanan

[17] Sholeh Fikri Nasiruddin & Siti Rugayah Tibek (2013), "Peranan Ulama Dalam Dakwah Semasa Penjajahan Tanah Melayu," *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah*, Jil. 5, h. 60-70.
[18] Mohamed Anuar Omar Din & Nik Anuar Mahmud (2011), *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan DiRaja Sultan Mizan, h. 220.

tokoh yang berada pada zaman Baginda Sultan Omar juga dijadikan asas dan bukti dalam menghasilkan keputusan.

Hasil dan Dapatan Kajian

Biografi Baginda Sultan Omar

Seperti yang diketahui, Kesultanan Terengganu telah dipelopori oleh Sultan Zainal Abidin Shah I (1708-1733) iaitu putera Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Johor ke-18). Seperti kebiasaan dalam amalan biasa kesultanan, bukan hanya putera-putera yang mewarisi kesultanan Terengganu kerana ada ketika zaman pemerintahan bertukar kepada adinda, anakanda saudara, ayahanda saudara dan juga sepupu. Baginda Sultan Omar telah mengambil alih pemerintahan setelah kemangkatan Sultan Daud yang hanya sempat memerintah selama sebulan (1 hingga 31 Januari 1831)[19]. Sebelum baginda dilantik menjadi Sultan, berlaku pertelingkahan antara Yam Tuan Muda Tengku Omar dengan Bendahara Paduka Raja Tengku Mansor untuk menduduki takhta tersebut. Hal ini kerana, pada ketika itu belum ada lagi jawatan Bendahara (telah dilupuskan semasa pemerintahan oleh Sultan Ahmad pada 1808-1830) yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan hal ehwal pelantikan sultan. Pada 1 Februari 1831 (setelah kemangkatan Sultan Daud), bagi menyelesaikan kemelut ini, satu permuafakatan yang terdiri daripada pembesar-pembesar telah menubuhkan Jemaah Mesyuarat Kerajaan dan sebulat suara untuk melantik Yam Tuan Muda Tengku Omar sebagai sultan dengan gelaran Yang di-Pertuan Besar serta melantik Bendahara Paduka Raja Tengku Mansor sebagai Yang di-Pertuan Tua.

Oleh kerana pelantikan tersebut mempunyai kuasa yang hampir sama, keadaan ini telah menimbulkan permasalahan dalam pentadbiran negeri yang berlarutan apabila kedua-duanya telah melantik pembesar masing-masing. Yang di-Pertuan Besar Tengku Omar telah melantik bapa mentuanya Tengku Ismail sebagai Menteri, manakala Yang di-Pertuan Tua Tengku Mansor melantik bapa saudara seibunya sebagai Orang Besar Utama. Ironinya, berlaku perang saudara yang pertama dalam sejarah kesultanan Terengganu apabila kedua-duanya telah menubuhkan pasukan bersenjata masing-masing. Dalam situasi tegang ini, Yang di-Pertuan Tua Tengku Mansor telah menggunakan helah sehingga Yang di-Pertuan Besar Tengku Omar terpaksa berundur ke Setiu, Besut dan akhirnya ke Kemaman.[20]

Akhirnya, pada tahun 1831 sehingga tahun 1836, Yang di-Pertuan Tua Tengku Mansor telah ditabalkan sebagai Sultan Mansor II sebelum berpindah kepada puteranya Sultan Muhammad I dalam kesultanan Terengganu dari tahun 1836 sehingga tahun 1839.[21] Semasa pemerintahan Sultan Mansor II dan Sultan Muhammad I, pelbagai usaha yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Besar Tengku Omar bagi melemahkan sistem pentadbiran kerajaan termasuklah dengan meminta pertolongan daripada kerajaan Johor-Riau-Lingga, Sultan Muhammad Shah Ibni al-Marhum Sultan Abdul Rahman namun tidak berjaya. Oleh kerana itu, Sultan Johor telah memohon Yang di-Pertuan Besar Tengku Omar untuk bersemayam di Lingga.[22] Untuk menakluki semula takhtanya di Terengganu, selama 9 tahun keberadaan Yang di-Pertuan Besar Tengku Omar untuk mengatur langkah serta strategi perang semasa berada di Lingga untuk menakluki Terengganu semula membuahkan hasil pada tahun 1839. Hugh Clifford ada menyebut bahawa gelaran "Baginda" yang diberikan kepada baginda membawa maksud "penakluk" ketika lawatannya ke Terengganu pada ketika itu.[23]

Sumbangan Baginda Sultan Omar

Sepanjang 37 tahun pemerintahannya, Baginda Sultan Omar merupakan antara Sultan Terengganu yang banyak memberikan sumbangan dalam pembinaan negeri dan pembangunan syiar Islam.[24] Gelaran "Tok Nyang" yang diberikan oleh rakyat jelata hasil daripada sikapnya yang amat mesra kepada rakyat jelata. Selain itu, Baginda Sultan Omar ialah sultan yang mula-mula mentadbir negeri dengan tersusun dan mesra rakyat.[25] Baginda mengambil pendekatan dengan mengukuhkan pentadbiran berpusat atau sentaralisasi yang bertujuan untuk melemahkan pentadbiran di kawasan jajahan. Selain itu, Baginda juga melantik pembesar-pembesar dalam kalangan orang awam dan membangunkan infrastruktur seperti Istana Hijau, Rumah Api Awang Senda, Genta di atas Bukit Puteri, mengantikan Masjid Abidin yang dibina daripada

[19] Ibid., h. 96.
[20] Ibid., h. 102.
[21] Ibid.
[22] Ibid., h. 104.
[23] Ibid.
[24] Ibid., h. 102.
[25] Ibid., h. 104.

kayu kepada batu dan membina beberapa batang jalan di Bandar Kuala Terengganu yang sebahagian besarnya menjadi asas jalan raya di Bandar berkenaan sehingga ke hari ini.[26]

Selain itu, penulisan karya-karya Islam berkembang dengan pesat ketika zaman pemerintahannya apabila lahirnya ramai ulama yang banyak menghasilkan penulisan-penulisan berbentuk keagamaan. Sebagai contoh, Syed Muhammad bin Zainal Abidin mendapat gelaran ”Bapa Pengarang Melayu Terengganu” kerana beliau telah menulis 16 buah buku selain daripada menjadi penasihat kepada Baginda Sultan Omar. Menurut Norizan Abdul Ghani, baginda didukung oleh seorang mufti ketika era pemerintahannya. Menguatkan lagi hujah bahawa Terengganu merupakan tempat menyebarkan syiar Islam di Alam Melayu dengan adanya penempatan sarjana Islam dari Riau-Lingga.[27] Kenyataan tersebut disokong oleh Annabel yang berpendapat bahawa kesultanan Terengganu bertanggungjawab untuk melahirkan satu organisasi bagi mengetengahkan penghasilan karya agama dan al-Qur’an.[28]

Kehidupan baginda sangat dipengaruhi oleh golongan ulama semenjak berada di Lingga lagi. Tidak hairanlah Islam sangat berkembang ketika zaman pemerintahan baginda. Oleh itu, Baginda telah melantik Syed Muhammad bin Zainal Abidin sebagai penasihat utama dalam urusan pentadbiran.[29] Selain itu, baginda juga menjemput golongan berketurunan Arab datang berdagang serta tinggal di Terengganu kerana golongan tersebut mempunyai pengaruh yang besar ketika itu. Dalam catatan lain ada menyebut terdapat orang Arab dan berketurunan mereka yang bermastautin di Terengganu kerana golongan tersebut mempunyai pengaruh yang sangat besar. Dakwaan tersebut disokong pula oleh catatan yang dibuat oleh Hugh Clifford ketika melawat Terengganu dengan mengatakan bahawa “*negeri Terengganu tidak pernah tidak ada golongan Ungku Syed”* yang merujuk kepada golongan berketurunan Arab. Baginda Sultan Omar ialah individu yang bertanggungjawab membawa mereka ke Terengganu menurut catatan beliau.[30]

Peranan baginda dalam memartabatkan Islam dapat dilihat dalam aspek pentadbiran negeri. Hal ini kerana, baginda seorang tegas dalam meraikan padangan ulama. Dalam pentadbiran baginda, ulama diberikan peranan yang besar dalam hal ehwal kesultanan, sistem perundangan, kehadiran ulama dalam setiap upacara diraja, simbol-simbol dan alat kebesaran kesultanan termasuk al-Qur’an yang menjadi pengabsahan upacara pertabalan sultan. Sebagai contoh, baginda telah melantik ulama seperti Haji Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim (Tok Syeikh Bukit Bayas) sebagai Mufti, Haji Wan Muhammad Amin bin Wan Dehamad (Tok Syeikh Qadi) sebagai pembesar negeri, manakala Haji Wan Abdullah bin Wan Muhammad (Tok Syeikh Duyong) sebagai Qadi.[31]

Peranan ulama telah menjadi tunjang dalam pembinaan tamadun Terengganu di bawah naungan sultan. Oleh itu, Baginda Sultan Omar merupakan individu yang bertanggungjawab membawa golongan ulama dari tanah Arab dan Alam Melayu ke Terengganu dalam jumlah yang besar.[32] Hugh Clifford ada mengatakan bahawa golongan ulama tersebut merupakan tenaga perubahan yang menjadikan Terengganu tinggi tamadunnya kerana peranan yang besar dalam urusan pentadbiran dan memberi pandangan dalam dasar pembinaan negeri.

Pada tahun 1874, faktor kesihatan telah menyebabkan baginda melantik Tengku Ahmad iaitu anak saudara baginda sebagai pemerintah Negeri Terengganu yang membawa gelaran Tengku Besar Paduka Mahkota.[33] Selepas 37 tahun memerintah, Baginda Sultan Omar telah mangkat pada 23 April 1876 bersamaan 17 Rabī’ al-Awwal 1292 pada usia 70 tahun dan dimakamkan di dalam kubah Masjid Abidin. Jenazah baginda diusung dengan dipayungi lapan payung berwarna kuning dan lapan payung berwarna putih serta alatan kebesaran yang lain. Baginda meninggalkan beberapa orang isteri, namun baginda tidak mempunyai zuriat.

Mushaf-mushaf al-Qur’an Ketika Era Baginda Sultan Omar

Ketika era kesultanan Baginda Sultan Omar, penulisan kitab-kitab agama menjadi tumpuan baginda, sehingga baginda melantik Syed Muhammad bin Zainal Abidin sebagai penasihat baginda. Syed

[26] Ibid.
[27] Norizan Abdul Ghani (2006), “Warkah-warkah Istana Negeri Terengganu: Tujuan dan Kandungan,” dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.79.
[28] Annabel The Gallop (2010), “Palace and Pondok,” h. 146.
[29] Mohamed Anuar & Nik Anuar (2011), *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, h. 224.
[30] Ibid.
[31] Ibid., h. 229.
[32] Ibid., h. 223.
[33] Ibid., h. 115.

Muhammad bin Zainal Abidin yang dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar, Sheikhul Ulama' dan Tuan Besar Paduka Indera telah menghasilkan 16 kitab agama dan nazam. Selain daripada dilantik sebagai menteri utama, beliau juga dikenali sebagai Pengarang Melayu Terengganu. Legasi ulama sebagai penasihat dan individu penting dalam kesultanan Terengganu ini berterusan sehingga hari ini. Golongan ulama berada pada kedudukan yang tinggi dan setiap hujahnya diberi ruang untuk menasihati dalam urusan pentadbiran negeri dan istana.[34]

Pada era Baginda Sultan Omar juga, negeri Terengganu juga dikenali sebagai "*Birmingham of The Peninsula*" kerana nilai kebudayaan dan keseniaan Terengganu telah diasah dan dipelbagaikan dalam bentuk perusahaan seperti sutera, kapas, kain songket, alat senjata dan pertukangan tembaga dan kayu.[35] Oleh kerana cintanya baginda kepada hasil kesenian, baginda ada mengirimkan ukiran kayu yang dihasilkannya sendiri kepada *Queen Victoria* dan *Prince of Wales* pada tahun 1869 bersama perutusan diplomatik.[36] Baginda juga telah mewaqafkan tanah dan sebahagian harta baginda untuk memantapkan lagi ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebajikan seperti pusat latihan kemahiran yang dikenali sebagai Waqaf Marhum Baginda. Penubuhan pusat latihan kemahiran tersebut dapat menarik lebih ramai tukang yang berkemahiran tinggi untuk datang ke Terengganu.[37] Menurut Hasnira Hassan dalam kajiannya ada menyatakan bahawa unsur dan pengaruh pada motif songket, pertukangan tembaga dan ukiran kayu yang terdapat di Istana Terengganu pada abad ke-18 hingga 19 Masihi sangat berkait rapat dengan ragam hias yang terdapat pada mushaf al-Qur'an Terengganu.[38] Hal ini kerana, kedua-duanya mempunyai pengaruh yang sangat kuat yang dipengaruhi oleh unsur persekitaran dan budaya sesebuah kawasan.

Apa yang lebih menarik, Baginda Sultan Omar sangat menititberatkan tahap pembelajaran bukan hanya ilmu agama, juga dalam aspek pendidikan. Bagi kerja-kerja penghasilan karya agama dan mushaf al-Qur'an dihasilkan dengan gigih supaya rakyatnya mendapat manfaat daripadanya. Munsyi Abdullah ada menyatakan dalam catatannya:

> Lagi pun bagus bekasnya menulis Arab seperti Quran dan kitab-kitab bahasa Arab. Maka jarang dalam bahasa Melayu. Maka sebab itu kebanyakan terpuji Quran (tulisan) Terengganu itu dalam negeri lain-lain.[39]

Berdasarkan kenyataan tersebut mengambarkan bahawa Baginda Sultan Omar telah memberi sokongan yang kuat kepada masyarakat Terengganu untuk menghasilkan mushaf al-Qur'an yang indah kerana Munsyi Abdullah berpendapat bahawa negeri-negeri lain yang dilawati oleh beliau tidak ada perkara-perkara yang sama dilakukan oleh masyarakat Terengganu pada waktu tersebut.

Hasil kajian yang telah dibuat mendapati kesemua mushaf al-Qur'an Terengganu memiliki kolofon. Keempat-empat buah mushaf tersebut tercatatnya tarikh ia dihasilkan iaitu ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. Dua buah mushaf al-Qur'an daripadanya merupakan cetakan litograf yang terdapat di Perpustakaan Nasional, Singapura.

Jadual 1: Catatan Tarikh yang Terdapat pada Mushaf al-Qur'an Terengganu

No.	No. Manuskrip	Lokasi	Tarikh Kolofon	Kesultanan Terengganu	
				Sultan Mansor II (1831-1836)	Baginda Sultan Omar (1831,1839-1876)
1	MSS4136	Perpustakaan Negara Malaysia	27 Disember 1836	/	
2	1998.1.3436		18 Mac 1859		/

[34] Ibid., h. 220.
[35] Ibid., h. 113
[36] Ibid., h. 185
[37] Ibid.
[38] Hasnira Hassan (2013), "Naskah al-Qur'an Kilau 'Gaya Terengganu' sebagai Kesenian Teokratik," Makalah, Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-27 November 2013, h. 20.
[39] Mohamed Anuar & Nik Anuar Mahmud (2011), *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, h. 188.

3	1998.1.3427	Muzium Kesenian Islam Malaysia	1872		/
4	Quran Litograf	National Library Singapore	19 Oktober 1869		/
5	Quran Litograf	National Library Singapore	20 Jun 1870		/

Jadual 1 di atas memperlihatkan lima buah mushaf al-Qur'an Terengganu yang mempunyai catatan tarikh pada kolofonnya termasuk dua mushaf litograf yang dicetak di Singapura. Berdasarkan Jadual 1, MSS4136 merupakan mushaf yang terhasil semasa pemerintahan Sultan Mansor II. Pada zaman kesultanan baginda Sultan Omar pula terhasilnya dua buah mushaf al-Qur'an (IAMM 1998.1.3427 dan IAMM 1998.1.3436) dan dua buah mushaf litograf yang dapat dilihat berdasarkan tarikh penghasilan mushaf tersebut. Rajah-rajah di bawah memperlihatkan empat buah mushaf al-Qur'an Terengganu yang dihasilkan ketika era Baginda Sultan Omar.

Rajah 2: Halaman Pembukaan Mushaf al-Qur'an Terengganu 1998.1.3436

Sumber: Muzium Kesenian Islam Malaysia

Rajah 2 memperlihatkan halaman pembukaan yang terdapat dalam mushaf al-Qur'an 1998.1.3436. Mushaf ini amat signifikan terhadap pengkajian mushaf al-Qur'an Terengganu. Hal ini kerana, di samping ciri-ciri ragam hias Terengganu yang indah dan mewah, mushaf ini mempunyai kolofon yang lengkap pada halaman akhir mushaf ini yang bertulis:

> Khatam menyurat Quran daripada waktu zohor daripada Arba'a daripada tiga belas bulan Sya'ban daripada hijrat Nabi Salla Allah 'Alayhi wa Sallam seribu dua ratus tujuh puluh lima pada tahun da tahun Haji Ahmad yang menyurat dia fakir yang sangat tua duduk di Kampung Manjelagi tamat kalam bi al-Khair wa Salam.

Berdasarkan catatan ini, ia secara jelas ditulis oleh Haji Ahmad pada 13 Sha'bān 1275 bersamaan 18 Mac 1859. Barkeshi berkata bahawa mushaf ini ditulis ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin II, iaitu sultan Terengganu yang ketiga (1794-1808), namun berdasarkan tarikh yang tercatat pada kolofon, secara jelas menunjukkan ia ditulis ketika era pemerintahan baginda Sultan Omar (1831, 1839-1876). Saiz mushaf agak besar iaitu berukuran 28 x 21 sm dan mempunyai langkau baris 15. Kini Mushaf ini menjadi koleksi di Muzium Kesenian Islam Malaysia dan terdapat sedikit kerosakan pada manuskrip ini, namun teksnya masih lengkap dan jelas untuk diperhalusi dengan kajian.

Rajah 3: Halaman Pembukaan Mushaf al-Qur'an Terengganu 1998.1.3427

Sumber: Muzium Kesenian Islam Malaysia

Rajah 3 memperlihatkan halaman pembukaan mushaf al-Qur'an Terengganu yang dihasilkan ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. Mushaf ini merupakan mushaf Terengganu yang terbesar ukurannya iaitu 43 x 28 sm yang kini juga berada di Muzium Kesenian Islam Malaysia. Mushaf ini ditulis pada 1288 Hijrah bersamaan dengan 1872 Masihi yang boleh dilihat pada catatan di akhir jadual. Keistimewaan mushaf ini mempunyai ragam hias yang bercirikan Terengganu. Mushaf al-Qur'an Terengganu yang paling menyerlah penggunaan perada emas adalah pada tiga halaman utama mushaf tersebut iaitu halaman pembukaan, tengah dan halaman akhir selain daripada penggunaan perada emas, merah, hijau dan kuning. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga halaman yang mempunyai perada emas ini dilapisi dengan kertas kosong yang bertujuan memelihara halaman berikutnya yang mempunyai teks al-Qur'an. Jika dilihat pada halaman akhir mushaf ini, tarikh penghasilannya juga adalah ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar.

Rajah 4: Mushaf al-Qur'an Cetakan Singapura 1869

Sumber: *National Library Singapore*

Rajah 4 merujuk kepada halaman pembukaan mushaf al-Qur'an cetakan Singapura yang telah ditulis oleh Tengku Yusof bin Tengku Ibrahim yang bertarikh 19 Oktober 1869. Mushaf ini dipercayai adalah yang tertua dicetak hasil penulisan orang Terengganu berdasarkan kepada catatan kolofon pada mushaf tersebut. Mushaf ini bersaiz 33 x 20 sm mempunyai langkau baris yang sama dengan mushaf al-Qur'an tulisan tangan iaitu 15 baris. Berdasarkan catatan pada mushaf al-Qur'an tersebut dapat dibuktikan bahawa ia juga dicetak di Singapura serta dicetak ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. Selain itu, keunikan mushaf ini juga dapat dilihat pada motif dan corak ragam hiasnya yang mempunyai ciri-ciri ragam hias Terengganu. Mushaf al-Qur'an bercetak ini dapat menguatkan lagi ciri-ciri ragam hias pada mushaf al-Qur'an Terengganu yang tidak mempunyai sebarang catatan kolofon.

Rajah 5: Mushaf al-Qur'an Cetakan Singapura 1870

Sumber: *National Library Singapore*

Rajah 5 pula merujuk kepada halaman pembukaan mushaf al-Qur'an Terengganu yang kedua cetakan Singapura yang tercatat tarikhnya pada tahun 1870. Mushaf ini juga mempunyai catatan kolofon penghasilan yang bertarikh 20 Rabī'al-Awwal 1287 bersamaan 20 Jun 1870 dan ini dapat dibuktikan bahawa mushaf ini dihasilkan ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. Berdasarkan catatan kolofon pada halaman akhir Mushaf al-Qur'an ini, tercatat bahawa ianya telah disalin oleh Abdul Kadir bin Mustaffa yang berasal dari Terengganu. Kemudiannya mushaf tersebut telah dicetak di Lorong Masjid Sultan Ali, Kampung Gelam, Singapura.

Terdapat lebih daripada 20 syarikat penerbitan yang telah wujud di sekitar Masjid Sultan iaitu di tengah-tengah ibu kota Singapura. Berdasarkan kajian lapangan semasa pameran *Tales of the Malay World Manuscript and Early Books*, Singapura pada tahun 2017, catatan pameran mendapati sebuah syarikat penerbitan yang Husain bin Encik Musa yang merupakan orang Terengganu yang ditubuhkan pada tahun 1871. Walau bagaimanapun, syarikat itu bukanlah syarikat yang bertanggungjawab untuk mencetak dua mushaf al-Qur'an tersebut memandangkan tahun penubuhan syarikat tersebut sedikit lewat berbanding tahun cetakan mushaf al-Qur'an tersebut iaitu pada tahun 1870. Adalah lebih tepat untuk memberi andaian bahawa mushaf al-Qur'an tersebut dicetak oleh syarikat yang dimiliki oleh Haji Muhammad Nuh bin Haji

Ismail kerana tarikh penubuhan syarikat penerbitan tersebut di sekitar tahun 1860 hingga 1880. Andaian ini juga dikuatkan lagi dengan melihat lokasi syarikat tersebut memang berada di sekitar Kampung Gelam atau Masjid Sultan, Singapura.

Bukti-bukti Catatan Sejarah

Empat buah mushaf yang telah dibincangkan sebelum ini boleh dikategorikan sebagai hasil penulisan pada zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. Walau bagaimanapun, bukti dalam kajian tersebut perlu didasari dengan fakta yang terhasil daripada catatan sejarah yang lain. Hal ini dapat menguatkan lagi kenyataan bahawa Baginda Sultan Omar merupakan kesultanan Terengganu yang menjalankan usaha murni penyalinan mushaf al-Qur'an semasa zaman pemerintahannya. Berikut merupakan beberapa hujah dan fakta untuk menyokong kenyataan tersebut.

Fakta yang pertama yang boleh dirujuk ialah tempoh masa pemerintahan Baginda Sultan Omar. Baginda antara Sultan Terengganu yang paling lama berada di tampuk pemerintahan iaitu selama 37 tahun. Kali pertamanya pada Februari 1831 dengan membawa gelaran Yang di-Pertuan Besar dan kali keduanya berlaku pada tahun 1839-1876 dengan membawa gelaran Baginda Sultan Omar.[40] Berdasarkan masa yang panjang ketika memerintah membolehkan baginda melaksanakan pelbagai perkara untuk membangunkan negeri terutamanya dalam memartabatkan syiar Islam. Selain itu, pengalaman baginda ketika berada di Riau-Lingga selama sembilan tahun setelah disingkirkan oleh Sultan Mansor II telah digunakan Baginda untuk mendalami ilmu agama bersama golongan ulama di sana dan membawa pengaruh ulama' ke Terengganu.[41]

Kedua, berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Hugh Clifford dalam catatan perjalanannya ketika melawat Terengganu dan Kelantan ada menyatakan bahawa rakyat Terengganu merupakan golongan yang paling kuat pegangan Islam di semenanjung. Hal ini kerana, rakyat Terengganu telah menjadikan Islam itu sebagai asas pendidikan dan tahap kebudayaan masyarakat Terengganu adalah sangat tinggi. Semua usaha ini dilakukan ketika zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar. [42]

Ketiga, hujah berkaitan dengan catatan yang dibuat oleh Abdullah bin Abdul Kadir atau juga dikenali sebagai Munsyi Abdullah. Catatan tersebut dibuat semasa perjalanan beliau dari Singapura ke Kelantan pada tahun 1254 Hijrah bersamaan 1838 Masihi dengan menyebut bahawa semasa beliau tiba di Terengganu, beliau melihat "*ada enam tujuh anak-anak dalam satu-satu rumah mengaji al-Qur'an*". Selain itu, beliau juga ada membuat catatan tentang kepandaian masyarakat Terengganu dalam menghias mushaf al-Qur'an, "*kebanyakan terpuji mushaf Terengganu dari negeri-negeri yang lain*". Ketika beliau hadir ke Terengganu ialah zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar.

Hujah lain yang boleh diketengahkan ialah berkemungkinan besar lahirnya satu institusi seni yang diusahakan oleh pihak istana pada ketika itu untuk mengumpulkan ragam hias, penulis kaligrafi al-Qur'an, penjilid dan hafiz-hafiz al-Qur'an yang bekerjasama bekerja di bawah satu bumbung untuk menghasilkan mushaf al-Qur'an Terengganu yang menarik. Menurut Annabel, proses penghasilan mushaf ini tidak mampu dihasilkan oleh seorang individu sahaja kerana ia berpendapat bahawa sudah tentu pihak istana memainkan peranan penting untuk mengumpulkan sejumlah pakar dalam bidang masing-masing untuk menghasilkan al-Qur'an.[43] Kesimpulan ini dibuat berdasarkan persamaan corak dan motif surat Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin Shah II yang memerintah pada tahun 1794-1808 Masihi dengan motif ragam hias mushaf al-Qur'an Terengganu.

[40] Ibid., h. 37
[41] Ibid., h. 102.
[42] Hugh Clifford (1938), *A Journey through the Malay States of Terengganu and Kelantan*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Govt. Press, h. 45.
[43] Annabel The Gallop (2010), "Palace and Pondok," h. 151.

Rajah 6: Ragam hias pada Surat Sultan Zainal Abidin II

Sumber: Koleksi Digital, Leiden University Libraries

Gambar 1 menunjukkan ragam hias yang terdapat pada surat Sultan Zainal Abidin Shah II yang telah dihantar kepada P.G. Van Overstraten.[44] Tarikh penulisan surat ini tidak dapat dipastikan kerana halaman terakhir surat tersebut telah hilang. Walau bagaimanapun, Weiringa mendakwa surat tersebut telah diterima di Batavia pada 13 April 1798. Saiz ukuran surat tersebut adalah 49 x 31.7 sm yang berdakwat hitam dan mempunyai cop mohor Sultan Zainal Abidin Shah II. Surat tersebut mempunyai ragam hias yang sama dengan mushaf al-Qur'an Terengganu di samping terdapat penggunaan perada emas sebagai ragam hias pada surat tersebut.

Annabel berpendapat bahawa amat jarang surat atau warkah diraja daripada alam Melayu yang mempunyai corak yang sama dengan mushaf al-Qur'an.[45] Oleh yang demikian, boleh dilihat bahawa corak dan ciri yang ada pada surat dan mushaf al-Qur'an tersebut saling berkaitan antara satu sama lain. Kajian juga dibuat terhadap ragam hias emas manuskrip al-Qur'an Banten dan warkah kesultanan Banten. Pada pemerhatian awal dibuat menunjukkan ragam hias surat dan al-Qur'an mempunyai ciri-ciri yang sama. Walau bagaimanapun, mushaf al-Qur'an Banten tidak mempunyai ragam hias melainkan hiasan emasnya memang bercorak asal kertas yang digunakan untuk menulis mushaf al-Qur'an dan menulis warkah diraja. Kenyataan ini telah diakui oleh Ali Akbar dengan menyatakan pendapat bahawa kertas ini berkemungkinan dibawa dari India.[46]

Berdasarkan kenyataan dan hujah-hujan yang telah diperhalusi daripada catatan sejarah tersebut dapatlah disimpulkan bahawa mushaf al-Qur'an Terengganu kebanyakannya dihasilkan pada zaman Baginda Sultan Omar daripada tahun 1831 hingga tahun 1876 iaitu selama 37 tahun pemerintahannya di Terengganu.

Kesimpulan

Mushaf al-Qur'an Terengganu merupakan warisan kepada Kesultanan Terengganu. Kajian yang dijalankan ini memperhalusi lima mushaf yang memperlihatkan catatan kolofon padanya yang disokong dengan adanya bukti-bukti catatan sejarah yang lain bagi menyokong kajian yang dibuat. Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti zaman pemerintahan kesultanan Terengganu yang melaksanakan aktiviti penyalinan mushaf al-Qur'an berdasarkan bukti-bukti dan catatan sejarah yang diketengahkan.

---

[44] Mu'jizah (2009), *Iluminasi Dalam Surat-Surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19*, Bogor: Kepustakaan Popular Gramedia, h. 33.

[45] Annabel The Gallop (2017), "Art and Artists in Malay Manuscript Books," Makalah, Tales of the Malay World, Manuscripts and Early Books, National Library Singapore, 18 Ogos 2017.

[46] Ali Akbar (Penyelidik, Bayt al-Qur'an & Muzium Istiqlal, Taman Mini Indonesia Indah, Jakarta), dalam temu bual dengan pengkaji, 15 Jun 2012.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah, Mushaf al-Qur'an Terengganu yang mempunyai ragam hias yang indah dan mewah ini mengambarkan bahawa mushaf al-Qur'an ini dihasilkan dengan begitu teliti oleh sarjana sarjana yang mempunyai kepakaran tinggi dalam seni bina kreatif kaligrafi dalam penulisan al-Quran dan berkemungkinan lebih dari seorang sarjana yang terlibat dalam menghasilkannya. Penggunaan warna-warna asas dan berperada emas ini menyerlahkan lagi keunikan pada semua mushaf al-Qur'an Terengganu.

Mushaf al-Qur'an yang indah hiasannya, kemas kaligrafinya dan mewah penghasilannya tidak mampu diusahakan oleh individu. Ianya pasti mendapat sokongan dan arahan dari pemerintah atau sultan sebagaimana yang berlaku pada empayar-empayar besar Islam lampau. Institusi istana adalah institusi yang paling tepat untuk dipertanggungjawabkan kerana sultan merupakan ketua agama dan pentadbiran negeri. Berdasarkan bukti kolofon dan disokong oleh catatan sejarah, empat buah mushaf al-Qur'an Terengganu telah dikenal pasti dihasilkan pada zaman pemerintahan baginda Sultan Omar yang memerintah Terengganu sebanyak dua kali selama 37 tahun di atas tampuk pemerintahan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat merumuskan bahawa zaman kesultanan baginda, usaha penyalinan mushaf al-Qur'an ini berkembang pesat seiring dengan perkembangan syiar Islam.

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada pegawai di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur dan National Library Singapore kerana memberi keizinan kepada pengkaji untuk melihat, meneliti dan membuat catatan daripada mushaf al-Qur'an Terengganu yang menjadi koleksi di kedua-dua tempat tersebut. Ucapan penghargaan juga diucapkan kepada Leiden University Libraries kerana memberi keizinan untuk merujuk kepada koleksi digital perpustakaan.

Rujukan

Ali Akbar (2016), "Quran-Quran Istana Nusantara," International Conference on the Holy Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia.

Ali Akbar (Penyelidik, Bayt al-Qur'an & Muzium Istiqlal, Taman Mini Indonesia Indah, Jakarta), dalam temubual dengan pengkaji, 15 Jun 2012.

Al-Qadī, Abd al-Fattāḥ (1997), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf*, Kaherah: Al-Jihāz al-Markazī li al-Kutub al-Jam"īyyat wa al-Madrasīyyat wa al-Wasā"il alTa"limīyyat.

Annabel The Gallop (2010), "Palace and Pondok: Patronage and Production of Illuminated Manuscripts on the East Cost of The Malay Peninsula," dalam Zawiyah Baba (ed.), *Warisan Seni Ukir Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Annabel The Gallop (2017), "Art and Artists in Malay Manuscript Books," Makalah, Tales of the Malay World, Manuscripts and Early Books, National Library Singapore, 18 Ogos 2017.

Clifford, Hugh (1938), *A Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Govt. Press.

Déroche, François (1992), *The Abbasid tradition: Qur'ans of the 8th to the 10th centuries AD: The Nasser D. Khalili Collection of Islamic Art Volume 1*, London: The Nour Foundation in association with Azimuth Editions and Oxford University Press.

Déroche, François (2014), *Qur'ans of the Umayyads*, Leiden: Brill.

H. Fahri (2020), "Al-Quran dan Keautentikannya; Kajian tentang Rasm Al-Qur'an dalam Mushaf Uthmani," *Al Hikmah: Jurnal Studi Keislaman*, Jil. 10, Bil. 2, 141-154.

Hasnira Hassan (2013), "Naskah al-Qur'an Kilau 'Gaya Terengganu' sebagai Kesenian Teokratik," Makalah, Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-27 November 2013.

Husni Syeikh Uthman (1994), *Haq al-Tilawah, Dar al-Manarah lil al-Nasyr wa al-Tauzi*, Jeddah: al-Mamlakah Al-'Arabiah al-Saudiah.

Lajnah Pentashihan al-Qur'an (2012), *Mushaf-mushaf al-Qur'an Istana Nusantara*, Jakarta: Badan Litbang Agama dan Diklat Kementerian Agama Republik Indonesia.

Mohamed Anuar Omar Din & Nik Anuar Mahmud (2011), *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan DiRaja Sultan Mizan.

Mu'jizah (2009), *Iluminasi Dalam Surat-Surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19*, Bogor: Kepustakaan Popular Gramedia.

Norizan Abdul Ghani (2006), "Warkah-warkah Istana Negeri Terengganu: Tujuan dan Kandungan," dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid & Nor Hayati Md. Dahlal (2010), "Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam," *Jurnal Fiqh*, Jil. 7, 107-148.

Sholeh Fikri Nasiruddin & Siti Rugayah Tibek (2013), "Peranan Ulama Dalam Dakwah Semasa Penjajahan Tanah Melayu," *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah*, Jil. 5, 60-70.

Syaifuddin & Muhammad Musadad (2015), "Beberapa Karakteristik Mushaf al-Qur'an Kuno Situs Girigajah Gresik," *Suhuf Jurnal Kajian al-Qur'an*, Jil. 8, Bil. 1, 1-22.